



SIARAN MEDIA

MALAYSIA TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) BERSAMA HUNGARY KUKUHKAN KERJASAMA DALAM BIDANG PERTANIAN

Budapest, Hungary, 6 Julai 2023 - YB Datuk Seri Haji Mohammad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia, hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam Kerjasama Pertanian dengan rakan sejawatannya dari Hungary, Tuan Yang Terutama Dr Istvan Nagy, Menteri Pertanian Hungary, dalam usaha bersepadu untuk mengukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama dalam bidang pertanian.

Kedua-dua menteri mengadakan perbincangan mengenai cadangan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian, khususnya akses pasaran, pertanian moden dan penyelidikan untuk manfaat bersama. YB Mohamad dalam kenyataannya berkata, "MOU ini akan menjadi peluang untuk meneroka pasaran baharu bagi produk pertanian Malaysia seterusnya meningkatkan keseimbangan perdagangan pertanian antara kedua-dua negara."

TYT Nagy dalam kenyataannya turut menyebut kepentingan mengukuhkan kerjasama politik antara kedua-dua negara bagi

mencipta lebih banyak peluang dan menjadikan MOU ini sebagai suatu kelebihan untuk lebih berdaya saing. Beliau juga menambah Hungary bersedia untuk meningkatkan kerjasama dalam penyelidikan benih dan agro-genetik, pertanian pintar dan pendigitalan yang ditekankan dalam pertanian untuk membantu menangani cabaran dalam produktiviti, kemampanan dan perubahan iklim. Dr Nagy juga menawarkan Malaysia peluang menjadikan Hungary sebagai pintu masuk kepada keluaran pertanian dari Malaysia ke EU.

**Pejabat Menteri
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
JUMAAT, 7 Julai 2023**

Budapest, Hungary, 6th July 2023- YB Datuk Seri Haji Mohammad bin Sabu, Minister of Agriculture and Food Security Malaysia, today signed a Memorandum of Understanding (MoU) in Agricultural Cooperation with Hungarian counterpart, His Excellency Dr Istvan Nagy, Minister of Agriculture Hungary, in a concerted effort to strengthen bilateral ties and collaboration in the field of agriculture.

Both ministers held talks on proposed bilateral cooperation in the field of agriculture, particularly market access, modern agriculture and research for mutual benefit. YB Mohamad in his statement said, "This MOU will be an opportunity to explore new market

access for Malaysia's agricultural products to improve the agricultural balance of trade between the two countries."

HE Nagy in his statement mentioned the importance of navigating political friendship to create more opportunities and become a source of competitive advantage. He also added Hungary is ready to enhance cooperation in seeds and agro-genetic research, smart agriculture and emphasized digitalisation in agriculture offers the potential to help address challenges in productivity, sustainability and climate change. Dr Nagy also offered Malaysia an opportunity to use Hungary as Malaysian agro-product gateway to the EU.

Minister's Office
Ministry of Agriculture and Food Security
7th July 2023